

# KEM KEMANDIRIAN HRO21

Kem Kemandirian HR021 merupakan kem asas iktiar hidup yang dijalankan oleh Sekretariat Rekreasi, Majlis Tertinggi Mahasiswa 16/17, Kolej Tun Perak. Kem Kemandirian ini merupakan kem yang dijalankan untuk kali ke-21. Kem ini dikendalikan oleh kelab High Risk Adventure Team (HRAT) KTP yang merupakan dibawah naungan Sekretariat Rekreasi KTP. Kem ini bertujuan untuk mendedahkan mengenai asas-asas survival dan rekreasi di dalam hutan.

Program ini berjalan selama 6 hari 5 malam di Kem Pertak, Kuala Kubu Bharu, Selangor. Program ini disertai oleh seramai 48 orang pelajar Kolej Tun Perak yang terdiri daripada fasilitator, AJK pelaksana serta para peserta. Program ini turut mendapat sambutan dan sokongan daripada alumni-alumni HRAT serta pengurusan Kolej Tun Perak.



Gambar : Sesi perkongsian mengenai *shelter* di dalam hutan



Gambar : Suasana malam di dalam hutan dan *camp fire*.

Asas-asas *survival* dalam perhutanan yang telah dijalankan adalah seperti pengenalan kepada api, sumber air didalam hutan, asas makanan rimba, pertolongan cemas, *survival kit*, *shelter*, serta asas jerat di dalam hutan. Selain itu, asas orientierung dan pertolongan cemas juga diaplikasikan dalam Kem Kemandirian HR021 ini.

Selain daripada perkongsian mengenai asas *survival*, para peserta juga diuji dengan Kem Survival selama satu hari satu malam. Para peserta menjalankan aktiviti iktiar hidup berbekalkan peralatan yang minimum bagi mereka untuk mengaplikasikan apa yang telah di kongsi dalam slot-slot sebelumnya.

Kem Kemandirian HR021 ini dipercayai dapat memupuk ciri-ciri kepimpinan serta berkumpul samada dikalangan peserta mahupun fasilitator. Selain itu, kemahiran berfikir secara kritikal sangat lah terserlah sepanjang Kem Kemandirian HR021 ini, kerana banyak cabaran yang para peserta dan fasilitator hadapi sepanjang kem ini. Kem ini juga merupakan menjadi cabaran kepada para peserta kerana merupakan luar daripada aktiviti harian yang biasa.

Namun, Kem ini dapat memberi pendedahan kepada para pelajar kepada alam persekitaran yang semulajadi yang tenang serta jauh daripada kehidupan bandar. Semestinya, pengalaman sepanjang satu minggu berada di hutan akan menjadi pembelajaran sepanjang hayat kepada semua para peserta dan fasilitator.



Gambar : Gambar kenangan bersama peserta, fasilitator dan alumni.

Disediakan oleh, Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Tun Perak